

26 APR 2001

Pertabalan

RAKYAT BAKAL SAKSIKAN KEGEMILANGAN ISTIADAT PERTABALAN RAJA PERLIS

KANGAR, 26 April (Bernama) -- Selepas lebih setengah abad, rakyat Perlis sekali lagi bakal menyaksikan pertabalan Raja Perlis yang akan berlangsung penuh istiadat di Istana Arau dekat sini pada 7 Mei ini.

Istiadat itu bakal mengulangi rakaman sejarah pertabalan pada 1949 namun yang membezakannya ialah pertabalan Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail adalah istiadat pertabalan pertama bagi negeri ini selepas negara mencapai kemerdekaan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, istiadat itu akan bermula dengan perarakan bergajah sejauh dua kilometer bagi membawa peralatan kebesaran termasuk keris panjang yang bernama "Seri Rakyat Tonggak Diraja", sebilah pedang, sebuah Al Quran dan perlembagaan negeri Perlis.

Perarakan itu akan turut disertai 22 pembawa tombak, tujuh pembawa bunga rampai, 22 pembawa bunga emas, 12 wakil kaum, 14 pemuzik, tujuh pembawa payung, 11 pembawa panji-panji Angkatan Tentera Malaysia dan 11 pembawa panji-panji Polis Diraja Malaysia, katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata istiadat pertabalan itu akan turut dihadiri wakil-wakil raja, Yang Dipertua negeri, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pengisytiharan pertabalan Raja Perlis itu akan dilakukan oleh Tengku Bendahara Perlis, Syed Badaruddin Putra Jamalullail dan selepas itu Raja Perlis pula akan melakukan pertabalan Raja Perempuan Perlis, Tengku Fauziah Abdul Rashid.

Istiadat itu akan disiarkan secara langsung oleh RTM.

Shahidan berkata pada 8 Mei akan berlangsung majlis persembahan rakyat di padang Majlis Perbandaran Kangar (MPK) membabitkan perarakan bergajah.

Pada majlis itu, ribuan penduduk yang mewakili 15 kawasan dewan undangan negeri di Perlis serta kakitangan jabatan dan agensi kerajaan akan menyertai perarakan membabitkan tujuh ekor gajah bermula di hadapan Kompleks Warisan Kangar sejauh satu kilometer.

Pada sebelah malam akan berlangsung persembahan kesenian tradisional rakyat di Stadium Utama, Kangar dengan artis undangan Siti Nurhaliza.

Majlis santapan diraja, yang turut dihadiri Raja-raja serta Sultan Brunei Darussalam, akan berlangsung di Istana Arau pada 9 Mei.

Dr Mahathir, Abdullah dan menteri-menteri kabinet akan turut hadir pada majlis berkenaan.

Shahidan berkata, beberapa acara sampingan turut diadakan sempena istiadat pertabalan itu, antaranya pesta air, konsert diraja dan perasmian beberapa bangunan serta mercu tanda.

Sementara itu, Tuanku Syed Sirajuddin yang akan genap berusia 58 tahun pada 16 Mei ini adalah Raja Perlis yang ketujuh memerintah negeri ini sejak pemerintahan beraja negeri ini bermula pada 1843.

Baginda dilahirkan pada 16 Mei 1943 dan dilantik sebagai Raja Perlis pada 17 April lalu bagi menggantikan ayahanda baginda, almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang mangkat sehari sebelum itu.

Tuanku Syed Sirajuddin berpengalaman luas dalam pentadbiran istana kerana dilantik sebagai Raja Muda Perlis pada 30 Okt 1960 malah pernah beberapa kali menjadi pemangku raja.

Baginda turut berminat dalam beberapa kegiatan sukan termasuk bola sepak, golf dan tenis.

Selain itu, baginda turut mengambil berat dalam hal ehwal keagamaan dan sehingga kini menjadi Yang Dipertua Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

-- BERNAMA

AD AKD